



## KENYATAAN MEDIA

### *HEBAHAN SEGERA*

#### **UTM JULANG NAMA MALAYSIA DI ROBOCON 2016**

SEPANG, 24 Ogos 2016 - Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya mengharumkan nama negara apabila buat pertama kali memenangi ABU Asia-Pacific Robot Contest (ROBOCON) 2016 di Bangkok, Thailand, Ahad lalu.

Dalam pertandingan akhir yang berlangsung di Stadium Tertutup Huamark Ahad lalu Malaysia berjaya menewaskan juara lima kali, China untuk mencipta sejarah memenangi pertandingan berkenaan yang memperkenalkan sejak 2002.

Pada pertandingan berkenaan Malaysia menewaskan India di peringkat suku akhir dan Indonesia di peringkat separuh akhir untuk bertemu dengan China yang telah menewaskan Vietnam dan Jepun.

Malaysia diwakili oleh UTM yang dianggotai oleh 38 mahasiswa dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Pengkomputeran (FC) dan Fakulti Pendidikan.

Pengurus pasukan Ir. Dr. Mohd Ridzuan bin Ahmad dari FKE berkata kejayaan menewaskan pasukan terkuat dari China yang diwakili oleh Northeastern University merupakan hadiah istimewa sempena ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-59.

Dalam semua perlawanan, pasukan Malaysia telah berjaya menyelesaikan tugas pertandingan yang dikenali sebagai "Caiyo". Dengan kemenangan ini, pasukan Malaysia membuktikan kualiti pelajar UTM diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Sebanyak 17 pasukan dari 16 negara bersaing untuk merebut kejuaraan pertandingan robot yang terkemuka di Asia.

Setiap pasukan perlu membina dua robot iaitu Robot Eco dan Hibrid yang mana robot Eco tidak mempunyai penggerak untuk memandu dan menerima tenaga penggerak dari robot Hibrid.

Robot Eco hanya mempunyai satu stereng penggerak untuk mengawal arah bagi menjejaki jalan yang mengandungi curaman sisi menaik, bukit, sungai dan curaman sisi menurun.

Selain menyediakan tenaga memandu untuk robot Eco, robot Hibrid perlu mengambil kipas enjin angin dari robot Eco dan memanjat tiang angin turbin untuk memasang enjin turbin angin.

Tema pertandingan berubah setiap tahun dan pada tahun ini pertandingan betemakan 'Tenaga Bersih Menggerak Dunia' yang diperkenalkan oleh negara tuan rumah Thailand.

ABU ROBOCON diperkenalkan pada tahun 2002 merupakan pertandingan robot tahunan, bertujuan menjadi platform bagi membangunkan robot autonomi untuk membantu manusia (perumahan dan industri) dalam kehidupan harian mereka.

Kepulangan pasukan negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) disambut oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Mahasiswa, KPT Prof. Madya Dr Sopian Bujang, Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur Profesor Dr Durrishah Idrus dan pelajar UTM.

TAMAT

**Untuk maklumat lanjut sila hubungi;**

Ir. Dr. Mohd Ridzuan bin Ahmad  
Pengurus Pasukan  
ABU Asia-Pacific Robot Contest (ROBOCON) 2016

Tel: 013-7612778

Email: [mridzuan@utm.my](mailto:mridzuan@utm.my)